

20 OCT 2001

BELANJAWAN-RANSANGAN

BELANJAWAN 2002 SASAR BANTU LONJAKKAN EKONOMI DOMESTIK

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Belanjawan 2002 menyuntik pelbagai langkah untuk merangsangkan ekonomi dalam negeri menerusi beberapa insentif fiskal yang bertujuan membantu perniagaan kekal berdaya maju dan kompetitif dalam suasana luar yang tidak menentu serta mendorong meningkatkan produktiviti di kalangan pekerja di negara ini.

Dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam, Belanjawan 2002 mengandungi insentif untuk menggalakkan sektor pembuatan, pelancongan, pendidikan, perkhidmatan dan teknologi maklumat dan komunikasi.

Meskipun cukai korporat tidak dikurangkan, insentif-insentif lain yang diperkenalkan masih menyediakan sokongan kepada sektor swasta. Sebagai contoh, tempoh elaun pelaburan semula yang dilanjutkan kepada 15 tahun dari lima tahun adalah penting dan juga sebagai maklum balas kepada gesaan sektor swasta supaya ianya diteruskan.

Ia akan memberi rangsangan kepada syarikat-syarikat untuk terus melabur dalam negara di mana secara tidak langsung akan menarik pelabur-pelabur baru.

Korporat juga sepatutnya gembira dengan insentif yang ditawarkan bagi dagangan luar pesisir menerusi laman web di Malaysia kerana laman web akan mengembangkan sempadan syarikat-syarikat Malaysia.

Dalam Belanjawan 2002, pendapatan yang diterima oleh syarikat-syarikat yang mengusahakan dagangan luar pesisir menerusi laman web di Malaysia akan dikenakan cukai pada kadar konsesi 10 peratus bagi tempoh lima tahun dengan syarat ia diluluskan oleh Menteri Kewangan.

PricewaterhouseCoopers menyatakan pelanjutan tempoh itu mengekalkan daya saing Malaysia berbanding negara lain di rantau ini.

Peningkatan dalam kadar elaun bangunan perindustrian merangkumi bangunan kilang dan hotel akan memberi manfaat kepada projek baru dalam sektor pembuatan.

Terdapat juga inisiatif yang disasarkan untuk meningkatkan produktiviti sektor swasta di mana majikan-majikan menyambut baik langkah untuk menghapuskan pemberian bonus tanpa dikenakan cukai bagi jumlah bonus yang dibayar melebihi tempoh dua bulan.

Persekutuan Majikan Malaysia menyatakan majikan-majikan sepatutnya bebas untuk membayar jumlah bonus yang berpatutan kepada pekerja berasaskan kepada produktiviti dan prestasi pekerja.

Ini, secara tidak langsung akan meningkatkan produktiviti dan meninggikan daya saing negara.

Mengenai peningkatan peruntukan RM613.9 juta untuk sektor pelancongan, pertambahan dalam perbelanjaan pemasaran akan menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi yang terkenal di seluruh dunia.

Ini juga akan menghasilkan peningkatan dalam trafik domestik memandangkan rekod prestasi negara dalam sektor perhotelan terutama dalam operasi hotel. Ini akan menjana peningkatan dalam pendapatan pertukaran asing.

Dennis Tan, pengurus besar bagi Value Hospitality Group berkata, kerajaan perlu menumpu dan mensasarkan usaha untuk menggalakkan pelancongan dengan menarik pelancong tokokan nilai yang mempunyai kuasa beli yang besar.

Untuk terus menggalakkan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan dalam pendidikan dan pada masa yang sama mengurangkan kos menyediakan

kemudahan pendidikan, semua institusi swasta pendidikan tinggi dan institusi bahasa swasta akan diberikan pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jualan bagi kelengkapan pendidikan termasuk kelengkapan makmal, bengkel, studio dan makmal bahasa. -- BERNAMA

MR SHY ZK